

SINTAKSIS

JENIS AYAT

PENGENALAN

- Penjenisan ayat dibuat dengan berdasarkan **lagu bahasa dan tujuan**¹, atau **fungsi ayat**².
- Kesemua jenis ayat mempunyai intonasi yang khusus.

1. AYAT PENYATA

1.1 Pengertian:

- Ayat penyata = ayat yang diujarkan untuk melaporkan, menyatakan, dan memberi keterangan sesuatu
- Disebut juga “ayat berita”, “ayat maklumat”, atau “ayat pernyataan”.

1.2 Ciri:

- Tidak memerlukan jawapan atau gerak balas
- Diakhiri dengan nada menurun sebelum kesenyapan
- Boleh dibina dalam:
 - susunan biasa atau songsang
 - ragam aktif atau pasif
 - bentuk tunggal atau majmuk
 - golongan dasar atau terbitan.

1.3 Fungsi:

- Melaporkan, menyatakan, memberitahu, dan menerangkan sesuatu.

- Naimah jurutaip
- Hazril sedang tidur.
- Sangat manis rambutannya itu.
- Pokok di hadapan rumahnya sudah ditebang
- Pegawai itu ditukarkan ke jabatan ini tetapi belum melaporkan diri.

¹ *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.(2008:441)

² *Tatabahasa Asas*. Rawang: Persatuan Pendidikan Bahasa Melayu Malaysia (2012:426)

2. AYAT TANYA

2.1 Pengertian

- Ayat tanya = ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu hal, mendapatkan jawapan atau meminta maklumat.

2.2 Ciri:

- Dilafazkan dengan suara menaik sebelum kesenyapan
- Memerlukan jawapan – dengan cara mengeyakan atau menidakkan, atau penjelasan.
- Jawapan lazimnya dalam bentuk ayat nyata.

2.3 Fungsi:

- Untuk mendapatkan penjelasan.

2.4 Jenis Ayat Tanya

- Penjenisan dibuat dengan berdasarkan nada suara dan penggunaan perkataan, serta struktur ayat.
- Dua jenis utama ayat tanya: berdasarkan struktur dan berdasarkan jawapan

2.4.1 Ayat Tanya Berdasarkan Struktur

(a) Ayat tanya tanpa kata tanya

- Ayat tanya ini tidak menggunakan sebarang kata tanya
- Diucapkan dengan nada suara meninggi sebelum kesenyapan pada akhir ayat.
- Dalam tulisan, ayat ini dilambangkan oleh tanda soal (?).
- Ayat ini boleh hadir dalam bentuk aktif dan pasif.

- Encik Badaruddin pengurus syarikat ini?
- Rumah di atas bukit itu cantik?
- Yang datang pagi tadi mereka?
- Surat itu dibaca oleh Ismail?
- Pejabat pos belum dibuka lagi?

- Ayat boleh disertai partikel tanya atau penegas *-kah*, diletakkan di bahagian hadapan ayat (ayat songsang).³

- Encik Badaruddinkah pengurus syarikat ini?
- Cantikkah rumah di atas bukit itu?
- Merekakah yang datang pagi tadi?
- Dibaca oleh Ismailkah surat itu?
- Belum dibuka lagikah pejabat pos?

(b) Ayat tanya dengan unsur tanya

- Ayat tanya ini menggunakan unsur tanya, iaitu:
 - Kata tanya – **berapa, bila, bagaimana, mengapa, kenapa**
 - Kata ganti nama tanya – **apa, mana, siapa**
 - Frasa sendi nama tanya – **di mana, dari mana, ke mana, sejak bila, sampai bila, dengan siapa, daripada siapa, untuk siapa**
 - Kesemuanya boleh menggunakan penegas *-kah* jika dikedepankan.

- Kamu sudah makan **berapa**?
 - **Berapakah** kamu sudah makan?
- Mereka menyelesaikannya **bagaimana**?
 - **Bagaimanakah** mereka menyelesaikannya?
- Ayah hendak pulang **bila**?
 - **Bilakah** ayah hendak pulang?

- Benda itu **apa**?
 - **Apakah** benda itu?
- Ibu bapanya **siapa**?
 - **Siapakah** ibu bapanya?
- Adik awak **mana**?
 - **Manakah** adik awak?

- Kamu bersembunyi **di mana**?
 - **Di manakah** kamu bersembunyi?
- Dia demam **sejak bila**?
 - **Sejak bilakah** dia demam?
- Wang itu diperolehnya **daripada siapa**?
 - **Daripada siapakah** wang itu diperolehnya?

2.4.2 Ayat Tanya Berdasarkan Jawapan

(a) Ayat tanya tertutup

- = Ayat tanya yang memerlukan jawapan **ya, tidak**, atau **bukan** sahaja.

- Datuk Bakri pengurus eksekutifnya?
→ **Ya**, Datuk Zamri pengurus eksekutifnya.
- Puan Zainon sudah sihat?
→ **Tidak**, Puan Zainon belum sihat.
- Adikkah yang menangis?
→ **Bukan** adik yang menangis.

(b) Ayat tanya terbuka

- = Ayat tanya yang memerlukan jawapan yang tidak terhad kepada perkataan *ya*, *tidak* atau *bukan* sahaja, malahan mungkin memerlukan penjelasan.

- Apakah binatang itu?
→ Binatang itu kanggaru.
- Penjaganya siapa?
→ Penjaganya Cik Siti Zawiyah.
- Wang itu diletakkan di mana?
→ Katanya dia terlupa tempatnya.

3. AYAT PERINTAH

3.1 Pengertian:

- Ayat perintah = ayat yang diucapkan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan.

3.2 Ciri:

- Peintah ditujukan kepada orang kedua
- Memerlukan gerak balas daripada pendengar
- Lazimnya kata ganti nama diri orang kedua digugurkan.

3.3 Jenis ayat perintah:

3.3.1 Ayat suruhan

- Ayat suruhan = ayat yang diucapkan dengan tujuan memberi perintah atau arahan.
- Tiada kata khusus untuk maksud suruhan
- Subjek ayat suruhan ialah kata ganti nama diri kedua, seperti *awak*, *kamu*, *engkau*, dan sebagainya, tetapi lazimnya tidak dilafazkan.

- Keluar dari bilik ini!
- Engkau tunggu dia di sini.
- Makan kuih ini dahulu.

- Kata kerja boleh menerima partikel *-lah* untuk melembutkan sebutan dan menegaskan predikat.

- Keluar**lah** dari bilik ini.
- Engkau tunggu**lah** dia di sini.
- Makan**lah** kuih ini dahulu.
- Menangis**lah** sepuas-puas hatimu.
- Berangkat**lah** dengan segera.

- Kata kerja juga boleh menerima akhiran *-kan*.

- Kemask**kan** tempat ini segera.
- Bawak**kan** abah air masak suam.
- Lupak**kan** hal yang telah berlalu.

3.3.2 Ayat larangan

- Ayat larangan = ayat yang untuk menegah seseorang daripada melakukan sesuatu.
- Ada ayat larangan menggunakan kata larangan pada permulaan ayat, dan ada yang tidak.

(a) Menggunakan kata larangan

- Kata larangan yang digunakan ialah **jangan**, **usah**, dan **tak usah**.
- Ayat larangan boleh dilembutkan dengan penggunaan *-lah*⁴ dan *harap*⁵.

- **Jangan** tidur di sini.
 - **Janganlah** tidur di sini.
 - **Harap jangan** tidur di sini.
- **Usah/tak usah** engkau tanya ke mana kami akan pergi.
 - **Usahlah/tak usahlah** engkau tanya ke mana kami akan pergi.
 - **Harap usah/tak usah** engkau tanya ke mana kami akan pergi.

⁴ Nik Safiah Karim, *et al. Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008:450)

⁵ Ahmad Khair Mohd Nor *et al. Tatabahasa Asas* (2012:435)

- (b) Tidak menggunakan kata larangan, dan tidak menerima partikel **-lah**, tetapi menggunakan awalan *-di*.

- **Dilarang** berjaja di sini.
- **Ditegah** berbual-bual di dalam masjid.

3.3.3 Ayat Silaan

- Ayat silaan = ayat yang menggunakan kata silaan, dengan tujuan untuk menjemput atau mempersilakan seseorang.
- Kata silaan terdiri daripada **sila**, **jemput**, dan **sudi**.
- Ayat boleh dilembutkan dengan penggunaan partikel *-lah*.

- **Sila** serahkan borang di pejabat.
 - **Silalah** serahkan borang di pejabat.
- **Jemput** masuk.
 - **Jemputlah** masuk.
- **Sudi** nikmati jamuan ini.
 - **Sudilah** nikmati jamuan ini.

- Dalam ayat silaan, kata silaan tidak boleh digandingkan dengan kata larangan kerana mempunyai pertentangan.

- ***Sila jangan** bising lagi.
- ***Sila usah** merokok.

3.3.4 Ayat permintaan

- Ayat permintaan = ayat yang menggunakan kata permintaan, dengan tujuan untuk memohon pertolongan atau membuat permintaan.
- Kata permintaan yang digunakan ialah **minta**, **tolong** dan **mohon**.

- **Minta** tuan-tuan buka laluan kepada jemputan kita.
- **Tolong** kosongkan ruang ini dengan segera.
- **Mohon** kami diberikan peluang untuk membuat penjelasan.

- Ayat permintaan juga tidak boleh digandingkan dengan kata larangan kerana kedua-duanya membawa pengertian positif dan negatif.⁶

- ***Minta jangan** berebut-rebut.
- ***Tolong jangan** berprasangka begitu.
- ***Mohon tak usah** menengking-nengking.

3.3.5 Ayat Ajakan

- Ayat ajakan = ayat yang digunakan untuk mengajak seseorang untuk melakukan sesuatu⁷
- Menggunakan kata ajakan: **mari**, **ayuh**, dan **jom**.

- **Mari** kita mula berlatih sekarang.
- **Ayuh** bawa orang ini ke hospital.
- **Jom** kita ke restoran itu.

4. AYAT SERUAN

4.1 Pengertian:

- Ayat seruan = ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk tujuan melahirkan sesuatu keadaan perasaan.

4.2 Ciri:

- Dalam penulisan, intonasi digambarkan dengan penggunaan tanda seru (!) yang terletak pada akhir ayat.
- Ayat yang digunakan selalunya pendek atau ringkas sahaja.
- Perasaan yang hendak digambarkan biasanya ialah keadaan takut, geram, marah, takjub, sakit, dan sebagainya.

4.3 Jenis:

4.3.1 Menggunakan kata seru:

- Perasaan seringkali digambarkan dengan menggunakan kata seru, antaranya **oh**, **eh**, **cis**, **amboi**, **aduh**, **nah**, **wah**, dan **syabas**.

- **Eh**, kamu pun sakit juga!
- **Wah**, bertuahlah engkau!
- **Syabas**, awak telah membuktikan keupayaan kamu!

4.3.2 Tidak menggunakan kata seru.

- Anakku!
- Sedapnya kuih ini!
- Tinggi betul pokok itu!